

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI JOHOR 1

### Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi  
Malam sepi  
Bagai kalung  
Yang melingkari leherku  
Tidak berubah keesokan hari  
Siapa yang akan menjengukku  
Keluhan seorang tua sunyi

Keheningan tasik  
Kehijauan rumput  
Hanya menjadi bayangan  
Di penjuru ruang zaman  
Cinta dalam Rahim dilupai  
Dari sulung ditendang ke bongsu  
Dari angh ditendang ke sulung balik  
Kucari erti hidup  
Menderita mengerang sakit  
Berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka  
Tiada makna  
Anakku bakaku  
Baik setia mahupun derhaka  
Semoga disirami benih keinsafan  
Menjadi penawar dalam hati  
Embun cinta atasi angin dingin  
Jangan terpegun  
Ada yang mati  
Ada yang hidup  
Tiada yang kekal kecuali tuhan

*Teo Wei Sing*  
*Antologi Sejadah Rindu*  
*Tingkatan 5*

- (i) Apakah maksud rangkap pertama sajak di atas ?  
[2 markah]
- (i) Pada pendapat anda, berikan **tiga** sebab mengapakah terdapat segelintir anak-anak yang jarang - jarang menziarahi ibu bapa mereka?  
[3 markah]
- (ii) Kemukakan **dua** persoalan yang dapat diperolehi daripada sajak di atas.  
[4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI JOHOR 2

### Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi  
Malam sepi  
Bagai kalung  
Yang melingkari leherku  
Tidak berubah keesokan hari  
Siapa yang akan menjengukku  
Keluhan seorang tua sunyi

Keheningan tasik  
Kehijauan rumput  
Hanya menjadi bayangan  
Di penjuru ruang zaman  
Cinta dalam Rahim dilupai  
Dari sulung ditendang ke bongsu  
Dari angh ditendang ke sulung balik  
Kucari erti hidup  
Menderita mengerang sakit  
Berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka  
Tiada makna  
Anakku bakaku  
Baik setia mahupun derhaka  
Semoga disirami benih keinsafan  
Menjadi penawar dalam hati  
Embun cinta atasi angin dingin  
Jangan terpegun  
Ada yang mati  
Ada yang hidup  
Tiada yang kekal kecuali tuhan

*Teo Wei Sing*  
*Antologi Sejadah Rindu*  
*Tingkatan 5*

- (i) Huraikan maksud rangkap pertama sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti yang dapat dilakukan oleh warga tua supaya kehidupan mereka lebih berkualiti? [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua pengajaran yang terkandung dalam sajak tersebut. [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI KEDAH

### Soalan 2(d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### SEJADAH RINDU

Terkedu aku  
Di sejadah rindu  
mengungkap kalimah syahdu  
bait bicara tersentuh kalbu  
merekah keinsafan di hati yang beku  
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan  
kupohon kembali nafas kehidupan  
dalam keterhadan dan keterbatasan insan  
moga terbuka ruang keampunan  
sebelum saat aku dinisankan  
di masa yang Kautetapkan.

Airmata menjadi saksi  
keikhlasan menjadi bukti  
akhirnya  
aku sujud menghadap Ilahi

di keheningan yang sepi  
lafaz taubat mengiringi  
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh jiwa  
yang kaku tersentuh  
ayat-ayat cinta disusun kukuh  
di sejadah rindu yang lusuh  
kemaafan yang kupohon sungguh  
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa  
izinkan aku menjadi manusia  
yang taat sentiasa  
pada perintah Maha Kuasa  
agar aku tidak lupa  
dunia ini hanya bersifat sementara.

MOHD. HAIKAL AMINUDDIN Kalam Pertama, 2013 Antologi Sejadah Rindu Sasbadi

- (i) Nyatakan dua perkara yang dilakukan oleh penyajak di atas sejadah berdasarkan rangkap pertama. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda apakah kesan-kesan positif apabila seseorang itu menginsafi kesalahan yang telah dilakukan? [3 markah]
- (iii) Huraikan dua nilai yang terdapat dalam sajak . [4 markah]

**Soalan 2(d) - Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Aku Membaca Lagi**

Aku mendongak langit  
membaca garis dan titik  
menaakuli kebesaran-Mu  
di bawahnya gumpalan mega  
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam  
kicauan burung  
desiran ombak dan wajah pelangi  
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi  
membaca langit  
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh  
dahan dan ranting terkulai  
daun-daun berguguran  
helai demi helai  
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit  
kutemui  
bulan dan bintang menangis  
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi  
menitis air mata langit  
membasahi bahasa Melayuku  
yang berdarah.

**RAZALI MOHD YUSSOF**

*Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan gambaran suasana alam yang mewarnai kehidupan manusia dalam sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Pada **rangkap terakhir**, penyair turut berasa sedih atas kemunduran bahasa Melayu.  
 Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah berkesan untuk memantapkan lagi kedaulatan bahasa Melayu? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI Sabah – KOTA BELUD

**Soalan 2 (d) – Puisi**

*Baca syair di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.*

**SYAIR BIDASARI**

Dengarkan tuan suatu riwayat,  
 Raja di desa Negeri Kembayat,  
 Dikarang fakir dijadikan hikayat,  
 Supaya menjadi tamsil ibarat.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,  
 Baginda duduk bersuka-sukaan,  
 Datanglah beroleh kedukaan,  
 Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Ada raja suatu negeri,  
 Sultan halifah akas bestari,  
 Asalnya baginda raja yang bahari,  
 Melimpah ngadil dagang senter.

Datanglah kepada suatu masa,  
 Melayanglah unggas dari angkasa,  
*Unggas gurda* sangat perkasa,  
 Menjadi negeri rosak binasa.

Hairan orang empunya temasya,  
 Baginda itulah raja perkasa,  
 Sangat tiada merasai susah,  
 Entah esok dan lusa.

Datanglah menyambar suaranya bahana,  
 Gemparlah sekalian mulia dan hina,  
 Seisi negeri gundah-gulana,  
 Membawa diri ke mana-mana.

Seri sultan raja bestari,  
 Setelah ia sudah beristeri,  
 Beberapa bulan beberapa hari,  
 Hamillah puteri permaisuri.

Baginda pun sedang dihadap orang,  
 Mendengar gempar seperti perang,  
 Bertitah baginda raja yang garang,  
 “Gempar ini apakah kurang.”

**JAMILAH HJ. AHMAD (Penyelenggara)**

- (i) Berikan maksud **unggas gurda** dalam rangkap ke-6 syair di atas. [2 markah]
- (ii) Sebagai rakyat yang prihatin apakah sumbangan anda kepada mangsa yang ditimpa bencana. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam syair di atas. [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI MELAKA

### Soalan 2 (d) – Petikan Gurindam

*Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

#### Gurindam Dua Belas (Fasal yang ketiga)

Apabila terpelihara mata, Sedikitlah cita-cita.	Daripada segala berat dan ringan.
Apabila terpelihara kuping, Khabar yang jahat tiadalah damping.	Apabila perut terlalu penuh, Keluarlah fiil yang tiada senonoh.
Apabila terpelihara lidah, Nescaya dapat daripadanya faedah.	Anggota tengah hendaklah diingat, Di situlah banyak orang yang hilang semangat.
Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,	Hendaklah peliharakan kaki, Daripada berjalan yang membawa rugi.

Mohd Yusof Md Nor dan Abdul Rahman Kaeh(Penyelenggara) Puisi Melayu Tradisi, 1996. Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

- (i) Terangkan maksud rangkap ke lima gurindam di atas. [2 markah]
- (ii) Gurindam di atas menerangkan kepentingan menjaga anggota badan daripada melakukan perkara-perkara negatif.  
Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh seseorang untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak elok dan negatif. [3 markah]
- (iii) Huraikan dua pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas. [4 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN

**Soalan 2 (d) – Gurindam**

*Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Gurindam Dua Belas**  
(Fasal yang Ketiga)

Apabila terpelihara mata,  
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,  
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,  
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,  
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,  
Keluarlah fiil yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,  
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,  
Daripada berjalan yang membawa rugi.

*Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan gurindam tersebut, berikan **dua** kebaikan jika seseorang itu sentiasa menjaga tangan dan kakinya. [2 markah]
- (ii) Ungkapan lidah lebih tajam daripada mata pedang memberi gambaran betapa pentingnya kita menjaga pertuturan dalam pergaulan.  
Pada pandangan anda, apakah kesannya jika seseorang itu tidak menjaga tutur katanya? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI PERAK – PPD KINTA

**Soalan 2 (d) – Seloka**

*Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU**

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang Raja.  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti

Tujuh bulan tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya;  
Besar tersergam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat gantung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;

Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru:  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

Za'ba, Antologi Sejadah Rindu Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan seloka, bagaimanakah istana raja dapat dibina? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memastikan kemahiran seni bina tradisional di negara ini dapat dikekalkan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam puisi tersebut? [4 markah]



## SOALAN PERCUBAAN NEGERI PERLIS

### Soalan 2 (d) – Sajak

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

#### **ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongso  
dari angh ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

#### **TEO WEI SING**

*Antologi Sejadah Rindu*  
Sasbadi

(i) Apakah harapan ibu kepada anaknya dalam sajak tersebut. [2 *markah*]

(ii) Ibu bapa merupakan insan yang perlu dihormati dan disayangi.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara seseorang anak menghormati dan menyayangi ibu bapa? [3 *markah*]

(iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI PULAU PINANG

### Soalan 2(d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### **BEBERAPA PETUA HIDUP**

*Za'ba*

##### ***Fikir dan Kata***

Kurang fikir, kurang siasat,  
Tentu dirimu kelak tersesat.

Fikir dahulu sebelum berkata,  
Supaya terelak silang sengketa.

Perkataan tajam jika dilepas,  
Ibarat beringin, racun dan upas.

Kalau mulut tajam dan kasar,  
Boleh ditimpa bahaya besar.

##### ***Silang Sengketa***

Siapa menggemari silang sengketa,  
Kelaknya pasti berdukacita.

Silang selisih jangan dicari,  
Jika tersua janganlah lari.

##### ***Ilmu***

Jikalau ilmu tiada sempurna,  
Tiada berapa ia berguna.

Ilmu kepandaian boleh dikejar,  
Asal mahu rajin belajar.

##### ***Dunia Pergaulan***

Dunia ini taman pergaulan,  
Hendaklah pilih sahabat dan taulan.

Manusia dikenal sifat budinya,  
Dengan dilihat siapa kawannya.

Burung yang sama corak dan bulu,  
Selalu sekumpul ke hilir ke hulu.

##### ***Sifat-sifat yang Baik***

Jikalau kamu bersifat budiman,  
Dipandang sebagai bunga di taman.

Jikalau kamu bersifat dermawan,  
Segala orang dapat kautawan.

Jikalau kamu bersifat pemurah,  
Segala manusia datang menyerah.

##### ***Perbuatan yang Baik***

Barang siapa berbuat jasa,  
Mulia namanya segenap masa.

Menolong sesama wajib dan perlu,  
Tetapi tolonglah dirimu dahulu.

##### ***Sifat-sifat yang Jahat***

Telunjuk lurus kelengkeng berkait,  
Hati sesama menjadi pahit.

Barang siapa berbuat khianat,  
Tuhan kelak memberi laknat.

*Kalung Bunga Za'ba, 2008*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) 

<i>Barang siapa berbuat jasa, Mulia namanya segenap masa</i>
--

Apakah maksud rangkap gurindam di atas?

[2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah seseorang itu tidak boleh menggunakan bahasa yang kasar dalam pergaulan?  
Berikan **tiga** alasan anda.

[3 markah]

(iii) Huraikan **dua** pengajaran daripada gurindam tersebut.

[4 markah]

## Sarawak

### Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Kudup Perang

Sementara dia bergelar panglima  
laskar perang; yang terus-menerus  
membajakan kezaliman – sering  
mengudupkan putik dendam  
kita masih perlu berterima kasih  
kepada jari-jemari takdir  
kerana membenarkan sepasang mata  
untuk berlari dengan tangan bergari  
sempat juga menadah sejambak puisi  
untuk sehari lagi; sambal bertanya:  
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk  
ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus  
ringkik kuda, gemerincing  
pedang pusaka  
dan darah yang tiba-tiba membuak  
di daerah angkara – perciknya  
menumbuhkan kelopak rahsia  
dalam keliru, tertanya-tanya kita  
tangan mana yang memenggal  
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih  
tidak mahu  
menyanjungnya pendekar paling gagah  
kerana takhta setia terbina  
di istana wangsa  
bukanlah penjamin kukuhnya  
pasak saksama  
sesekali turut direntakan daki pendusta  
melekatlah selumbar sengsara  
di tiang maruah kota.

Andai namamu Jebat, kita masih tidak  
menggelarnya sebagai pengkhianat  
kerana kita masih menangi  
peta keadilan yang tersiat – nun, karam  
di lautan kesumat  
sedang warga memanggilnya keramat.

Perang pun melecurkan lidah muslihat  
bercabang lalu bertemu bayu palsu;  
bertiup dan memindahkan kebenaran pada tempatnya  
mewarnakan keindahan pada hodohnya  
menjungkitkan amarah pada damainya  
teramat lara kita menjahit semula  
perca-perca bahagia – seperti perawan  
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,  
kita masih bertengkar  
tentang siapa  
pahlawan sebenarnya.

Tuah Saujana, Dalam antologi Sejadah Rindu, Sasbadi Sdn. Bhd.

- (i) Berikan maksud ungkapan mengudupkan putik dendam dalam rangkap 1?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri seorang pemimpin yang seharusnya kita contohi pada masa ini?  
[3 markah]
- (iii) Jelaskan dua nilai yang terdapat dalam sajak di atas.  
[4 markah]

**Soalan 2(d) – Puisi**

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

**Gurindam Dua Belas**

(Fasal yang Ketiga)

Apabila terpelihara mata,  
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,  
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,  
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,  
Daripada segala berat dan ringan.

*Apabila perut terlalu penuh,  
Keluirlah fiil yang tiada senonoh.*

Anggota tengah hendaklah diingat,  
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,  
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan maksud **rangkap kelima** dalam gurindam di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan menjaga tingkah laku? [3 markah]
- (iii) Berdasarkan gurindam di atas, huraikan **dua** nilai yang dapat diamalkan oleh pelajar pada hari ini. [4 markah]

**Soalan 2(d) Sajak**

*Baca pantun di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan perkataan anda sendiri.*

**SEJADAH RINDU**

Terkedu aku  
di sejadah rinduku  
mengungkap kalimah syahdu  
bait bicara tersentuh kalbu  
merekah keinsafan di hati yang beku  
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan  
kupohon kembali nafas kehidupan  
dalam keterhadapan dan keterbatasan insan  
moga terbuka ruang keampunan  
**sebelum saat aku dinisankan**  
di masa yang Kau tetapkan.

Air mata menjadi saksi  
keikhlasan menjadi bukti  
akhirnya  
aku sujud menghadap Ilahi

di keheningan yang sepi  
lafaz taubat mengiringi  
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh  
jiwa yang kaku tersentuh  
ayat-ayat cinta disusun kukuh  
di sejadah rindu yang lusuh  
kemaafan yang kupohon sungguh  
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa kepada Yang Esa  
izinkan aku menjadi manusia  
yang taat sentiasa  
pada perintah Maha Kuasa  
agar aku tidak lupa  
dunia ini hanya bersifat sementara.

**MOHD HAIKAL AMINUDDIN** Antologi Sejadah Rindu, Sasbadi Sdn. Bhd.

- (i) Berikan maksud baris **sebelum saat aku dinisankan** [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** pengajaran yang dapat diperolehi daripada sajak di atas. [3 markah]
- (iii) Penganut agama Islam yang telah melakukan dosa perlulah bertaubat dengan segera untuk membersihkan diri. Kemukakan pendapat anda, mengapakah taubat wajar dilakukan dalam kadar segera?  
Berikan alasan anda. [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI TERENGGANU

### Soalan 2(d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

#### PESAN LELAKI KECIL KEPADA GADIS KAMPUS

Kuhantar kau mengecapi angin baru  
udara lain dari kampung bendang kuningmu  
bumantara asing dari yang sering kaumesrai  
yang sama sekali berbeza  
dengan suasana suntimu  
kaunikmatilah angin dan udara ilmu itu  
memesrai azimat dan tangkal  
dari tangga gading.

Kulepaskan kau menjadi burung putih  
dengan sayap berkembang  
menongkah awan perak dan kabut dingin  
mengenal kalimat hujan dan bilah petir  
menyelit antara sembilu nasib  
dan waras akal.

Di awan kampus yang sarat ilmu  
hadir sihir angin bemafas api  
di pohon kampus yang tegar status  
berceracak selumbar noda mengabur fikir  
*di padang kampus yang hijau pertimbangan  
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.*

Pandai-pandailah kau terbang  
menongkah awan mulus dan kabus dingin  
jangau kau pulang  
dengan percikan duka dan balutan luka  
di sayapmu yang patah.

SAZALEE YACOB Antologi Sejadah Rindu Dewan Bahasa Pustaka.

*di padang kampus yang hijau pertimbangan  
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.*

- (i) Apakah yang hendak disampaikan oleh penyajak melalui petikan sajak di atas.  
[2 markah]
- (ii) Dalam rangkap pertama sajak ini ada dinyatakan tentang perubahan minda yang perlu dilakukan oleh seseorang murid sebelum mereka bergelar pelajar universiti. Pada pendapat anda, mengapakah mereka perlu bersedia dengan langkah-langkah yang sewajarnya ketika berada di menara gading?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan dua persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut.  
[4 markah]



## SOALAN PERCUBAAN YAYASAN ISLAM KELANTAN

### Soalan 2 (d) - Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### GURINDAM DUA BELAS (Fasal yang Ketiga)

Apabila terpelihara mata,  
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,  
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,  
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,  
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,  
Keluurlah fiil yang tidak senonoh.

Anggota tengah hendaklah ingat,  
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,  
Daripada berjalan yang membawa rugi.

MOHD YUSOF MD NOR  
dan ABD RAHMAN KAEH  
*Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul, DBP, 2014*

- (i) Apakah maksud rangkap kedua dalam gurindam di atas? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah amalan berbudi bahasa dalam kalangan remaja semakin berkurangan? [4 markah]
- (iii) Huraikan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas. [3 markah]